



INFEKSI VAGINA

Keadaan yang tentunya tidak selesa sekiranya terasa gatal atau pedih pada vagina. Sesetengah wanita mengalaminya ketika haid, manakala sesetengahnya mengalami masalah ini selepas haid.

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan vagina anda menjadi gatal. Anda sendiri mungkin pernah mengalaminya. Namun terfikirlah anda apakah penyebabnya? Dikatakan kelainan ini mungkin juga petanda awal beberapa penyakit kelamin yang tidak harus dianggap remeh.

Justeru itu sekiranya anda pernah mengalami antara gejala seperti yang dinyatakan dibawah ini, atau merasakan berlakunya perubahan baik pada bentuk mahupun bau cairan vagina, segeralah bertemu pakar sakit puan untuk melakukan pemeriksaan, sama ada terhadap kulit juga alat kelamin. Ingat, mencegahnya adalah lebih baik dari merawat kemudian hari.

Herpes Kelamin (*Genital Herpes*)

Mulanya anda akan terasa panas dan gatal-gatal di sekitar alat kelamin. Kalau digaru tanpa henti ia menjadi luka dan lama-kelamaan menjadi sangat pedih. Sesetengah dari kita menggaru sewaktu lena tidur akibatnya ia pedih sebelah pagi semasa mandi. Serangan virus ini boleh diubati dengan antibiotik sebagai mengurangkan rasa pedih dan gatal. Sekiranya keadaan sudah menjadi parah, kaedah terapi secara insentif dapat membantu mengurangkannya. Lakukanlah pemeriksaan darah untuk mencari puncanya.

Infeksi pundi kencing (*Cytitis*)

Anda akan merasa sakit yang amat sangat setiap kali membuang air kecil. Selain ubat antibiotik, dengan membanyakkan minum air putih (seeloknya air suam) juga

dapat melancarkan proses membuang air kecil. Dalam masa yang sama dapat mengurangi iritasi di bahagian dalam uretra. Jangan berlengah mendapat rawatan kerana ia mampu menyerang bahagian ginjal jika terlewat.

Interstitial Cytitis

Tiada tanda-tanda infeksi membuat kenapa penyakit ini sukar dikesan pada peringkat awal. Bagaimanapun jika terdapat kelainan di bahagian kelamin, segeralah bertemu doktor.

Kelenjar Bartolini (*Glandula Bartolini*)

Kelenjar ini terletak dalam *labia majora* berhampiran bahagian bawah vulva. Ia kemudiannya akan membesar, kelihatan kemerah-merahan dan menimbulkan rasa ngilu dan panas. Kadangkala ia boleh menyebabkannya menjadi bernanah.

Kutu

Binatang kecil ini senang bersarang dan hidup di bahagian kemaluan. Gigitan kutu juga menyebabkan anda terasa gatal. Jangan dibiarkan kerana ia menyusahkan anda kelak.

KENALI VAGINA ANDA

Sebagai wanita anda perlu lebih mengenali lebih dekat akan alat kelamin masing-masing, kalau ada yang aneh atau terasa tidak normal, maka andalah individu pertama menghubungkan serambi kemaluan (*vestibulum pudensi*) dengan mulut rahim (serviks uteri).

Manakala serambi kemaluan pula adalah kawasan diantara dua bibir kemaluan kecil yang merupakan muara, dari pintu saluran kemih bahagian bawah (*Orifosum urethrae exteme*), pintu masuk vagina (*stium vagia*) dan saluran kelenjar *bartolini*. Agar anda lebih memahaminya, cuba baca keterangan berikut :

Rambut kemaluan

Ketebalan rambut kemaluan bergantung pada seseorang dan biasanya, lebih tebal (malah lebih ikal) dibandingkan rambut di bahagian kepala.

Bibir kemaluan

Ada dua bibir kemaluan yang dimiliki oleh wanita iaitu *Iabia majora* (bahagian paling luar) dan *Iabia minora* (bahagian dalam yang tidak berambut). Ukuran, bentuk dan warnanya pulak adalah pelbagai.

Klitoris

Terletak di sisi atas lipatan bahagian dalam *labia minora*. Berbentuk seperti kacang dan sangat sensitive kalau tersentuh. Ukuran dan bentuknya bagi kebanyakan orang adalah sama.

Uretra

Uretra adalah saluran kemih bahagian bawah yang menghubungkannya dengan *official uretra*. Juga berfungsi sebagai tempat keluarnya air kecil.

Vagina

Pintu masuk vagina yang sensitive dan licin disebut *vestibule*. Bahagian dalamnya terdapat selaput tipis, juga sering kali disebut selaput dara. Vagina sendiri bentuknya seperti belon kempis dan terdiri dalam kumpulan otot. Bentuknya tidak rata dan saling bersentuhan, tetapi sangat fleksibel.

Hymen

Selaput yang tipis yang wujud secara semula jadi diantara pintu vagina menghala ke OS atau pintu rahim. Ia akan koyak semasa hubungan seksual kali pertama dan berlaku sedikit pendarahan.

APAKAH DIA ENDOMETRIOSIS?

Endometriosis merupakan masalah utama yang menyebabkan kesakitan semasa haid dan masalah ketidaksuburan, kemandulan dan juga keguguran. Ia merupakan satu masalah yang jarang member symptom di peringkat awal.

Endometriosis bermaksud lapisan endometrium yang merupakan lapisan dinding rahim tumbuh pula di luar rahim. Ia mungkin ada pada ovary, salur fallopian, belakang atau hadapan rahim dan pundi kencing. Parut pembedahan caesarean boleh juga ditumbuhi aendometriosis dan ia juga boleh menembusi lapisan otot rahim seperti akar pokok yang umpama rerambut yang berselirat.

Mengapakah hal ini terjadi?

Dunia perubatan belum dapat lagi dapat menjawab pertanyaan itu. Kenapa lapisan dinding rahim boleh berada di tempat yang tidak sepatutnya dan menimbulkan kesulitan bagi wanita? Soalan ini belum lagi dapat diselesaikan. Teori mengatakan lapisan itu merupakan lapisan yang dipenuhi sel aktif yang migrasi ke tempat lain dan seterusnya membiak dengan cepat.

Pertumbuhan ini terus subur atas pengaruh hormon seolah-olah lapisan dinding rahim yang sebenar. Endometrium akan luruh pada setiap kali haid berlaku. Jika lapisan endometrium itu berada di luar rahim ia akan berdarah dan luruh sebagaimana dinding rahim juga. Bahkan ia menyebabkan pendarahan yang banyak dan punca senggugut juga.

Bagaimanakah sel endometrium boleh bermigrasi ke tempat lain dalam tubuh kita?

- Darah kotor mungkin melimpah keluar ke belakang atau ke depan rahim setiap kali haid. Darah mungkin turut membawa sekali sel endometrium

yang kemudian hidup subur umpama benih yang ditiup angin. Mungkin juga tisu-tisu endometrium bergerak melalui salur darah ke bahagian luar rahim.

- Ia juga mungkin berpindah melalui saluran limfatik. Semasa pembedahan Caesarean secara tidak sengaja, tisu-tisu ini tertanam ke dalam perut.

RAWATAN

- Melakukan pembedahan membuang sel endometriosis.
- Pengambilan ubat untuk membunuh sel tersebut.

“Sila share kepada kenalan anda tanpa mengubah sebarang informasi dalam artikel”



www.marissa-esthetic.com

Semenyih (HQ) : 03-87234808/013-2448484

Selangor : 03-31413729

Melaka : 06-3170412/013-3386698

Shah Alam : 019-3963678

Bandar Baru Bangi : 03-89252334

Kuantan : 017-3581619

Nilai : 012-3585949*Kelantan : 017-3581610